

HSR, MRT pemacu pembangunan Greater KL

SHAH ALAM – Pembangunan Greater Kuala Lumpur (KL) akan terus dipacu melalui dua buah projek pengangkutan utama bagi menjadikan ibu kota itu sebagai bandar raya dinamik di Asia Tenggara.

Ia meliputi projek kereta api berkelajuan tinggi (HSR) dan Transit Aliran Massa (MRT) yang berkapasiti tinggi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, kedua-dua projek itu akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pergerakan orang ramai.

Katanya, HSR yang dijangka siap menjelang tahun 2026 akan mencetuskan era baharu hubungan di antara dua bandar raya paling dikenali di Asia Tenggara iaitu Kuala Lumpur dan Singapura.

“Projek-projek seperti HSR dan MRT akan mengukuhkan Greater KL sebagai kawasan metropolitan yang dinamik dari segi ekonomi.



KUALA LUMPUR bakal menjadi bandar raya dinamik di Asia Tenggara melalui projek Greater KL yang turut melibatkan pembangunan HSR dan MRT.

“Ia secara langsung mampu menarik bakat tempatan dan asing ke Kuala Lumpur,” katanya dalam Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2016.

Menurutnya, rekod Program Keahlian Pakar (REP) sepanjang tahun

2011 hingga 2016 mendapati Talent Corporation Malaysia Bhd. (TalentCorp) telah memudahkan kelulusan 4,000 warga Malaysia yang mahir dari luar negara untuk menyumbang kepada pembangunan negara.



TENGGU ADNAN